

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
BILANGAN 6/1976**

=====

**CAGARAN TANAH YANG MEMPUNYAI SEKATAN HAK  
KEPADA KERAJAAN, BADAN-BADAN BERKANUN  
KERAJAAN, SYARIKAT-SYARIKAT KERJASAMA DAN BANK-BANK**

-----

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor di mesyuaratnya pada 1hb November 1973 telah meluluskan perwakilan kuasa kepada Pemungut-Pemungut Hasil Tanah supaya meluluskan permohonan-permohonan daripada tuan-tuan tanah untuk mencagarkan surat-surat Hakmilik yang mengandungi Sekatan Hak kepada Kerajaan, Badan-badan Berkanun Kerajaan, Syarikat-Syarikat Kerjasama dan Bank-Bank.

2. Perhatian Pemungut-Pemungut Hasil Tanah adalah ditarik iaitu permohonan resmi hendaklah dibuat oleh tuan-tuan tanah sebelum mendapatkan kebenaran bagi mencagarkan tanah-tanahnya untuk dipertimbangkan, kecuali jenis cagaran yang dimaksudkan dalam Surat Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil. 1/1973 di mana tuan-tuan tanah dibolehkan membuat cagaran terus tanpa mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri atau Pemungut Hasil Tanah.

3. Jika Tanah yang hendak dicagarkan letaknya di dalam kawasan Rezab Melayu, Bank-Bank yang boleh menerima cagaran ialah Bank-Bank yang telah diiktirafkan sebagai Melayu dan telah dimasukkan di dalam Jadual kedua dan Ketiga Enakmen Rezab Melayu ( Bab 142 ).

4. Pemungut-Pemungut Hasil Tanah adalah juga diingatkan bahawa perwakilan kuasa ini adalah tertentu untuk cagaran kepada Kerajaan, Badan-Badan Berkanun Kerajaan, Syarikat-Syarikat Kerjasama dan Bank-Bank.

5. Kelulusan ini dikuatkuasakan mulai tarikh Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan iaitu 1hb November 1973.

6. Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian, Selangor Bil. 8/73 dan Bil. 2/74 adalah dibatalkan.

T.T  
**(HAJI SULAIMAN BIN MOHD DON)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
SELANGOR

PTG.SEL. 675 (104).

KUALA LUMPUR  
3HB JULAI 1976